



We will be conducting system maintenance from Thursday 9 February 2023, 11pm to Friday 10 February 2023, 12am. Patrons may experience intermittent connectivity to NLB websites during this period. Thank you for your understanding.

## Persisi garis matlamat lebih tinggi

BERITA HARIAN, 23 April 2005, Page 39

Article also available on Microfilm Reel NL26169

Printer-Friendly Page

## Persisi garis matlamat lebih tinggi

### Sheik gesa anak didik usaha menangi anugerah tertinggi negara

**ANUGERAH SUKAN** oleh **Mohd Sani Ali**

**ANUGERAH** Jurulatih Terbaik telah dimenanginya. Anugerah Olahragawan Remaja dan Olahra-

gawati Remaja juga sudah dikecapi.

Kini anugerah Olahragawan dan Olahragawati menjadi buruan Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Atas matlamat inilah pengarah teknikal Persisi, Sheik Alauddin Yaacob, ingin semua anggota pesilat nasional meningkatkan keazaman untuk memburu dua anugerah tertinggi itu dalam jangka masa yang terdekat.

"Kami berharap kejayaan Mohd Saifuddin (Julaimi) dan Saiedah (Said) menjadi pembakar semangat bagi mendorong para pesilat lain berusaha lebih gigih bagi mencapai matlamat tersebut," ujar Sheik Alauddin.

Selaku bekas Jurulatih Terbaik tiga kali

pada 1999, 2001 dan 2002, Sheik Alauddin yakin matlamat tersebut berada dalam jangkauan Persisi.

Pada 1999, Persisi berjaya merebut dua anugerah daripada Majlis

Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC). Jika Sheik Alauddin ditabal sebagai Jurulatih Terbaik, Zufakar Ramli pula muncul sebagai pemenang Anugerah Olahragawan Remaja.

"Selain daripada kejohanan antarabangsa, tahun ini juga merupakan tahun Sukan SEA. Justeru itu, harapan untuk merebut anugerah tertinggi itu adalah baik," jelas bekas juara dunia itu lagi.

Bagaimanapun, Sheik Alauddin sedar memenangi anugerah berprestij itu bukan suatu tugas yang mudah kerana ia juga memerlukan

Dalam masa yang sama, Saifuddin, 18 tahun, dan Saiedah, 20 tahun, turut melahirkan rasa terkejut dengan kejayaan dinobat sebagai Olaharawan Remaja dan Olahragawati Remaja.

"Saya tidak terfikir akan menang anugerah ini," kata Saifuddin, pelajar Institut Pendidikan Teknikal, yang memenangi pingat perak di Kejohanan Dunia tahun lalu.

"Kejayaan ini akan meningkatkan lagi semangat saya untuk berusaha dengan lebih gigih lagi," tambahnya.

Saiedah, yang sedang mengikuti kursus diploma dalam bidang sukan dan sains, seakan tidak percaya ketika menerima berita tersebut.

"Saya hanya diberitahu bahawa nama saya telah dicalonkan untuk anugerah ini, tetapi saya tidak pasti mengenai peluang saya," kata Saiedah yang muncul sebagai juara di Kejohanan Perancis, Belgium, dan Kejohanan Dunia tahun lalu.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Siglap itu sekali lagi membuktikan keupayaannya apabila muncul sebagai juara Terbuka Belgium dua minggu lalu.

**"Kami berharap kejayaan Mohd Saifuddin (Julaimi) dan Saiedah (Said) menjadi pembakar semangat bagi mendorong para pesilat lain... tahun ini juga merupakan tahun Sukan SEA. Justeru itu, harapan untuk merebut anugerah tertinggi itu adalah baik."**

— Sheik Alauddin Yaacob, pengarah teknikal Persi.

pengorbanan baik dari segi latihan mahupun tumpuan.

"Saya mahu setiap pesilat fokus kepada apa yang ingin mereka capai, berikan segenap usaha untuk mengejar matlamat tersebut," kata Sheik Alauddin ketika mengumumkan kejayaan para pesilatnya.

Seramai 20 pesilat berjaya memborong 18 anugerah selain daripada Olahragawan Remaja dan Olahragawati Remaja.

Tujuh pesilat diiktiraf anugerah merit dalam bahagian senior manakala lima pesilat wanita menerima anugerah merit dalam bahagian berpasukan senior.

Tujuh pesilat lagi menerima anugerah merit dalam bahagian junior.



**SYABAS SEMBANYA:** Penerima anugerah Olahragawan Ramaja, Mohd Saifuddin Jusoh (kanan), dan Olahragawan Ramaja, Salehah Said (kiri), bersama sebahagian daripada pejabat yang diberikan anugerah oleh Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (MOKS) ketika ini.

**foto M.O. Salleh**